

# **Kejiranan dan Kesejahteraan**

## **Hidup Masyarakat di Bandar**

**HARYATI SHAFII**



**2012**

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Haryati Shafii, 1976-  
Kejiranan dan Kesejahteraan:hidup masyarakat di bandar / Haryati Shafii.  
Bibliografi: ms. 155  
ISBN 978-967-0468-22-8  
1. Neighbourhoods. 2. Community life. 3. City planning. I. Judul.  
307

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 7051 / 7454  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

Dicetak oleh:  
Awijaya Enterprise,  
No 15, Jalan Budi Utara,  
Taman Wawasan Perindustrian  
83000 Batu Pahat  
Johor

## PRAKATA

---

Dengan lafaz Bismillah dan Alhamdulillah, penulis panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izin serta kasih sayang dari-Nya telah memberi ruang dan masa yang begitu pantas dalam menyiapkan dan menjayakan penulisan ini lebih awal daripada yang dirancang. Apabila membicarakan tentang aspek kualiti hidup masyarakat di bandar, akan terbayang di pentas pemikiran kita bahawa banyak aspek dan cabaran yang terangkum di dalamnya. Ianya bukan sahaja melibatkan persoalan kemampanan alam sekitar dan pembangunan, bahkan turut mengheret pencapaian ekonomi, hubungan sosial, kemudahan infrastruktur dan sebagainya. Kini, perhatian masyarakat terhadap konsep Bandar Sejahtera, Bandar Sihat, Bandar Hijau dan Bandar Berdayahuni kian mendapat tempat. Keperluan manusia terhadap habitat yang selamat dan sejahtera merupakan satu keperluan dan ianya wajar diberi perhatian oleh pihak pemerintah. Justeru, apabila memperkatakan tentang kualiti hidup dan kesejahteraan bandar, maka buku ini merupakan sebahagian daripada rentetannya. Isu utama yang diutarakan dalam buku ini adalah berkaitan Kejiranan dan Kesejahteraan hidup masyarakat bandar, merupakan satu isu yang relevan dan tepat pada masanya memandangkan isu kemampanan bandar, bandar berdayahuni semakin mendapat perhatian dan diwacanakan baik dalam kalangan ahli akademik, pembuat dasar dan orang perseorangan.

Buku ini telah memilih posisi untuk berkongsi isu kejiranan yang dilihat berada dalam situasi “miskin diamalkan” oleh masyarakat bandar. Dilema ini tidak harus dibiarkan berlarutan. Justeru, pendirian penulisan untuk mempersembahkan hasil penyelidikan tentang kejiranan di bandar, adalah wajar memandangkan nilai-nilai kejiranan semakin kabur diamalkan oleh masyarakat bandar.

Kesibukan bekerja, hambatan waktu dan sikap orang bandar yang “gah” dengan “engkau-engkau dan aku-aku”, perlu diganti dan disuburkan dengan nilai kejiranan yang positif iaitu “saling mengenal, bantu membantu, mengambil endah” dan sebagainya. Ini kerana nilai kejiranan yang positif telah terbukti antaranya boleh mengekang kejadian jenayah komuniti. Selaras dengan itu, maka dua hasil kajian berkaitan dengan kejiranan telah disingkap melalui hasil kajian di dua taman perumahan iaitu di Johor Bahru, Johor dan di Majlis Perbandaran Kajang, Selangor. Buku ini telah berjaya membongkar faktor-faktor kelangsungan hubungan kejiranan dalam kalangan penduduk bandar, juga berjaya meneliti faktor-faktor yang menghalang hubungan kejiranan berlangsung dengan baik dalam kalangan penduduk. Pentingnya hubungan kejiranan ini dilihat berdasarkan jenis dan reka bentuk rumah adalah sebagai menilai perancangan yang telah dijalankan oleh pihak perancang supaya penambahbaikan dapat dilakukan di masa-masa akan datang. Selain itu, peri pentingnya faktor-faktor yang menghalang hubungan kejiranan diselidiki supaya ianya dapat disuburkan kembali. Hakikatnya hubungan kejiranan dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti hidup yang baik di bandar.

Usaha-usaha yang telah dilakukan melalui penulisan buku ini adalah selaras dan tepat kerana ianya memenuhi kehendak isu-isu semasa. Adalah diharapkan usaha yang kecil ini akan dapat menyumbang idea dan percambahan ilmu yang lebih besar impaknya, bukan sahaja kepada para pelajar bahkan kepada pembuat dasar dan orang perseorangan yang berminat dalam isu-isu persekitaran, perbandaran dan pembangunan di Malaysia.

*Haryati Shafii (Phd)*

*Jabatan Pengurusan Pembinaan.*

*Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,*

*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,*

*Parit Raja, Batu Pahat,*

*Johor*

## PENGHARGAAN

---

Pertama sekali penulis ingin tintakan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pelajar Nurainn Johari yang telah banyak membantu penulis dalam menjayakan kerja-kerja penyelidikan di Johor Bahru, Johor. Usaha gigih dan pertolongan daripada beliau amat penulis hargai. Juga terima kasih kepada penduduk di taman perumahan yang terlibat semasa sesi pengedaran borang kaji selidik, baik di Johor Bahru mahupun di Bandar Baru Bangi dan Kajang, Selangor.

Seterusnya, penulis berbesar hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana meluluskan projek penulisan buku melalui bantuan “wang insentif”. Semoga galakan seperti ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang, bagi menggalakkan dan menyuburkan aktiviti penulisan dalam kalangan penulis-penulis muda yang berminat untuk menghasilkan karya asli dan seumpamanya. Selain itu, jutaan terima kasih juga kerana membantu melancarkan proses penerbitan ini dengan jayanya.

Akhir sekali, penulis ingin abadikan penghargaan terima kasih “*Seharum Kasturi*” buat sahabat-sahabat yang memberikan sokongan dan keluarga yang telah banyak memberi dorongan dan cukup memahami untuk berkorban dan berkongsi masa dalam menyiapkan penulisan ini. Tanpa sokongan yang padu, sudah pasti buku yang berada di tangan anda ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang lebih awal daripada yang dirancang. Akhirnya, penulis abadikan buku ini khas buat Putra ketiga kami iaitu Anugerah Ahmad Al Muthaqif Zakila.